

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)

No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

KENYATAAN MEDIA

11 DISEMBER 2018

ST Beri Taklimat Keselamatan Elektrik Sebagai Persediaan Anggota Bomba Jalankan Operasi Menyelamat Di Musim Banjir

Kuala Terengganu, 11 Disember – Suruhanjaya Tenaga (ST) baru-baru ini telah mengadakan sesi taklimat keselamatan elektrik kepada anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di Ibu Pejabat JBPM Terengganu di sini, sebagai persediaan untuk menjalankan operasi menyelamat di musim banjir.

Taklimat ini telah dirasmikan oleh Pengarah Kawal Selia Keselamatan ST, Mohd Elmi Anas. Dalam ucapannya, beliau berkata sebanyak 963 kes kemalangan elektrik telah dilaporkan dan disiasat oleh ST sejak 16 tahun yang lalu, di mana 480 daripada kes tersebut merupakan kes maut. Secara purata, sebanyak 57 kes kemalangan elektrik telah dilaporkan berlaku setiap tahun.

Mohd Elmi berkata bagi kes-kes kemalangan elektrik di kalangan anggota JBPM, sebanyak lima kes kemalangan elektrik telah disiasat oleh ST sejak tahun 2015. Ia termasuk dua kes pada 2018 di mana salah satunya melibatkan kejadian maut.

“Saya berharap taklimat sebegini dapat meningkatkan pengetahuan dan seterusnya menyelamatkan nyawa anggota bomba yang terlibat semasa menjalankan tugas,” katanya.

Sesi taklimat yang julung kali diadakan ini merupakan usahasama antara ST, JBPM dan Tenaga Nasional Berhad (TNB). Ia bertujuan untuk memberi pendedahan dan panduan kepada anggota JBPM mengenai keselamatan elektrik seperti asas-asas keselamatan elektrik, cara mengenalpasti risiko renjatan elektrik, langkah awasan dan tindakan pencegahan. Selain Terengganu, taklimat juga diadakan kepada anggota JBPM di Pahang dan Kelantan.

*****Tamat*****

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali
Unit Komunikasi Korporat
Tel: +603-8870 8500/8554/8598/+6013 2183778 (Zairulliati)
Faks: +603 8888 8636
Emel: sitisuhaila@st.gov.my / zairulliati@st.gov.my*

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.